

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan membentuk Pendaftar Awam (*Public Registry*) di mana semua proksi berkaitan pemilikan syarikat di Malaysia akan disenaraikan untuk tatapan umum.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada masa ini, maklumat berhubung pemilikan syarikat boleh didapati daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Namun, maklumat berhubung proksi berkaitan pemilikan syarikat di Malaysia tidak disimpan oleh SSM atau Kementerian ini.

Pihak Kementerian pada masa ini juga belum merancang untuk membentuk satu Pendaftar Awam (*Public Registry*) bagi menyenaraikan proksi berkaitan pemilikan syarikat di Malaysia untuk tatapan umum. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian akan mengkaji cadangan ini.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
KAWASAN : INDERA MAHKOTA

SOALAN:

YB. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN (INDERA MAHKOTA) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah jalan raya yang menghubungkan Pekan Sungai Lembing ke Jerantut akan dimulakan pembinaannya serta tarikh jangkaan siap dan anggaran kos pembinaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses reka bentuk terperinci projek membina Jalan Sungai Lembing ke Jerantut, Pahang sedang dalam peringkat reka bentuk terperinci secara 'in-house' oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Sehingga kini proses reka bentuk tersebut telah mencapai kemajuan 30% dan ia dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Disember 2015.

Skop projek ini akan melibatkan pembinaan jalan baru sepanjang 55 kilometer dengan reka bentuk piawaian JKR R2, 2 lorong 2 hala ('single carriageway') dan membina beberapa unit jambatan di sepanjang jajaran berkenaan. Anggaran kos projek ini ialah sebanyak RM300 juta. Projek ini telah dipohon untuk kelulusan Agensi Pusat dalam RMKe-11 (2016-2020). Walau bagaimanapun pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan RMKe-11 yang dijangka akan diketahui pada bulan Jun 2015 ini.

Sekian, terima kasih.